

Ketepikan kepentingan peribadi

&A 23 DEC 2001

Oleh HAIRULAZIM
MAHMUD

KUALA LUMPUR 22 Dis. — Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini menggesa semua ahli MCA mengeneipkan soal kepentingan peribadi bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan di Perlis.

Sehubungan itu beliau mahukan ahli-ahli MCA bersatu menyokong bakal calon yang akan bertanding pada pilihan raya kecil yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Menurutnya, calon yang bakal bertanding itu bukan sahaja mewakili MCA tetapi juga Barisan Nasional (BN).

“Tidak ada tempat dalam mana-mana parti untuk mereka yang mementingkan kepentingan peribadi,” katanya kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri pergerakan tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Wanita MIC, Dr. K. Komala.

Rafidah mengulas peluang BN untuk mengekalkan kerusi tersebut ekoran kematian Ahli Dewan Undangan kawasan itu, Datuk Khor Liang Tee.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa BN akan meletakkan calon daripada MCA di kawasan tersebut seperti pilihan raya umum yang lalu.

Menjejaskan

Mengulas lanjut, Rafidah berkata, apa yang berlaku dalam MCA tidak akan menjejaskan jentera pilihan raya BN.

“Agenda BN lebih penting daripada kepentingan peribadi,” tegasnya.

Pada pilihan raya kecil kali ini, katanya lagi, Wanita UMNO telah cukup bersedia terutamanya di peringkat akar umbi.

Tambahan pula, ujar-

nya, Wanita UMNO telah menjalankan operasi mengenal pasti pengundi-pengundi di kawasan Indera Kayangan.

“Saya telah bercakap dengan Ketua Wanita Negeri (Perlis) dan mereka telah mewujudkan bilik gerakan wanita di kawasan tersebut,” katanya.

Dalam pada itu Rafidah memberitahu, beliau akan turun padang ke Perlis beserta kepimpinan wanita termasuk Wanita MCA bagi membantu jentera pilihan raya BN.

“Saya yakin pengundi di sana tetap bersama kita kerana BN adalah parti yang bertanggungjawab... oleh itu tidak timbul siapa yang bertanding,” katanya.

Ditanya adakah BN akan menghadapi masalah jika parti pembangkang meletakkan calon Melayu, ujarnya, ia bukan halangan kerana para pengundi di kawasan itu mengutamakan parti bukannya individu.